

Rencana

Tenang bersara dengan surat penyelesaian cukai

Surat penyelesaian cukai adalah penting bagi pekerja yang berhenti kerja, bersara dan mereka yang mahu meninggalkan Malaysia.


Lembaga Hasil Dalam Negeri

September 22, 2022 3:03 petang | 4 minit bacaan



Kongsi





Seorang lelaki masuk ke ibu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di Cyberjaya. Gambar: Bernama

Ramai pekerja yang kurang cakna atau tidak tahu akan kepentingan surat penyelesaian cukai (SPC) sekiranya mereka akan berhenti kerja atau bersara kelak.

Sebagai pekerja yang bertanggungjawab, kita seharusnya tahu tindakan yang perlu diambil supaya amaun ganjaran dan manfaat yang akan dinikmati selepas bersara atau berhenti kerja diperoleh dengan segera dan amaun tersebut tidak dipotong untuk menjelaskan apa-apa cukai tertunggak akibat kegagalan melaporkan pendapatan terdahulu sebelum berhenti kerja.

Mungkin ramai tertanya-tanya apa yang perlu dilakukan khususnya berkaitan percukaian sekiranya ingin menamatkan perkhidmatan bersama majikan sekarang.

- Iklan -

Justeru itu, artikel kali ini akan menjawab persoalan yang sering ditanya mengenai perkara ini.

Apa yang dimaksudkan dengan surat penyelesaian cukai (SPC)?

SPC merupakan perakuan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada majikan berkaitan hal ehwal cukai pendapatan pekerja yang akan berhenti kerja, bersara, yang hendak meninggalkan Malaysia ataupun yang meninggalkan dunia.

Adalah menjadi tanggungjawab majikan tidak kira sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta, kedua-duanya bertanggungjawab di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) bagi memaklumkan kepada LHDN dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya berlaku penamatan perkhidmatan.

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh majikan sekiranya berlaku penamatan pekerjaan atas pekerja?

Sebagai majikan yang bertanggungjawab, mereka perlu memaklumkan kepada LHDN tidak kurang 30 hari sebelum tarikh pemberhentian pekerja yang akan berhenti kerja, bersara atau yang akan meninggalkan Malaysia melebihi tiga bulan.

Bagi kes pekerja yang meninggal dunia, pemakluman perlu dibuat tidak lebih tiga puluh (30) hari selepas dimaklumkan kematian pekerja berkenaan.

- Iklan -

Ada tiga jenis borang perlu dihantar kepada LHDN mengikut situasi pekerja iaitu:

- i. CP21 : Borang Pemberitahuan oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia;
- ii. CP22A : Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta)
- iii. CP22B : Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Agensi Kerajaan).


Bagi memberi kemudahan kepada majikan, LHDN telah menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi membolehkan majikan mengemukakan Borang CP21, CP22A dan CP22B yang boleh diakses di <https://mytax.hasil.gov.my/>. Pilih Perkhidmatan ezHasil seterusnya ke e SPC.

Permohonan SPC akan diproses selepas semua dokumen dan maklumat lengkap diterima.

Selain itu, majikan perlu menahan apa-apa bahagian wang yang akan atau boleh dibayar kepada pekerja dan tidak membayar apa-apa bahagian wang tersebut tanpa kebenaran LHDN sehingga tempoh 90 hari dari tarikh borang diterima oleh LHDN.

Majikan juga perlu membayar semua atau sebahagian amaun wang yang ditahan kepada LHDN apabila diarahkan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut.

- Iklan -



Walau bagaimanapun, majikan diberi pengecualian untuk tidak mengemukakan Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja kepada LHDN sekiranya pendapatan seseorang pekerja tertakluk kepada potongan cukai bulanan (PCB) atau jika saraan bulanan pekerja adalah di bawah amaun minimum yang layak dikenakan PCB, dengan syarat pekerja berkenaan akan terus bekerja atau tidak bersara daripada mana-mana penggajian di Malaysia.

Borang pemberitahuan oleh majikan bagi pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia pula tidak perlu dikemukakan sekiranya LHDN berpuas hati bahawa seseorang pekerja tersebut dikehendaki meninggalkan Malaysia secara kerap berhubung dengan penggajian yang dilakukannya.

Apa kaitan SPC ini kepada pekerja-pekerja dan majikan di luar sana?

Tujuan SPC adalah untuk memastikan rekod percukaian pekerja berada dalam keadaan teratur.

Apabila permohonan SPC diterima, cawangan yang menguruskan fail akan menyemak rekod percukaian pekerja bagi tahun-tahun sebelumnya sama ada audit perlu dilakukan atau tidak. Sekiranya perlu, cawangan akan meminta dokumen tersebut daripada pihak pekerja.

Secara tidak langsung akan memastikan rekod percukaian pekerja berada dalam keadaan teratur.

Sekiranya terdapat amaun cukai yang perlu diselesaikan hasil daripada semakan, amaun tersebut perlu dibayar oleh pihak majikan kepada LHDN daripada amaun wang yang ditahan.

Adakah LHDN akan mengenakan apa-apa tindakan undang-undang terhadap majikan yang gagal mendapatkan SPC bagi pekerja yang terlibat?

- Iklan -

Jika majikan gagal menjalankan tanggungjawab, majikan boleh disabitkan kesalahan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.

Kelewatan atau kegagalan mengemukakan borang tersebut tanpa alasan yang munasabah merupakan suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan, boleh dikenakan denda tidak kurang RM200 atau tidak lebih daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya di bawah subsekyen 120(1) ACP 1967.

Majikan juga bertanggungjawab untuk membayar amaun penuh cukai yang perlu dibayar oleh pekerjaanya. Amaun kena dibayar oleh majikan merupakan suatu hutang kepada kerajaan dan boleh dituntut melalui tindakan sivil.

Setelah permohonan SPC dihantar oleh majikan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh LHDN?

Permohonan SPC individu yang lengkap diterima oleh LHDN akan diproses mengikut Piagam Pelanggan kami, iaitu empat belas hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima.

SPC individu yang telah selesai diproses akan dihantar kepada majikan dan disalin kepada pekerja untuk makluman serta rekod pekerja.

Pegawai perhubungan awam atau customer care officer (CCO) cawangan boleh dihubungi sekiranya menghadapi masalah dalam pengeluaran SPC individu.

Senarai nama CCO boleh diperolehi menerusi portal LHDN di www.hasil.gov.my dengan klik pada tab "Hubungi Kami" dan seterusnya klik panggilan. Anda perlu memilih CCO untuk melihat senarai pegawai mengikut cawangan yang dikehendaki.

Kami amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh majikan dan pekerja dalam permohonan SPC ini bagi membolehkan LHDN dapat memproses permohonan tersebut dengan lancar.

Diharap perkongsian artikel ini dapat menjadi panduan dan dimanfaatkan sewajarnya oleh para majikan dan pekerja di luar sana yang masih ragu-ragu mengenai perkara ini.

Semoga kelestarian hasil cukai akan dimanfaatkan bersama demi membina #KeluargaMalaysia yang lebih makmur dan sejahtera. Sebarang pertanyaan serta maklum balas boleh dimajukan kepada HASiL melalui:

1. Hasil Care Line (HCL) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
2. HASiL Live Chat; dan
3. Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDN di pautan pantas:
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>

Ikuti kami di Telegram untuk kemas kini terkini: <https://t.me/malaysianow>

Langgan berita kami

Anda akan menerima berita terkini dan analisis harian.

Melanggan

Tag

LHDN

Cukai

SPC



Kongsi

Artikel Berkaitan

Berita

Pengurus bank sahkan bekas pengerusi Felda terima cek RM1 juta dari Najib

Ogos 12, 2022 9:05 pagi

Berita

Shahrir beli kereta Honda Civic lebih RM100,000 dengan sekeping cek, kata saksi

Ogos 8, 2022 6:32 petang

Berita

Sekatan perjalanan satu bentuk keadilan, bukan cabul hak asasi, kata LHDN

Ogos 8, 2022 1:21 tengahari

- Iklan -

Paling Popular

BN bakal bentuk kerajaan dengan PH selepas PRU15?

Oktober 24, 2022 12:00 tengahari

Rishi Sunak dilantik PM Britain hari ini

Oktober 25, 2022 8:37 pagi

Harapan Deepavali seorang ibu mahu anak OKU berjalan semula

Oktober 24, 2022 9:00 pagi

Apakah tol, PTPTN bakal mewarnai manifesto PH?

Oktober 25, 2022 8:00 pagi

Tiada persiapan Deepavali buat keluarga penghuni PPR Kerinchi

Oktober 24, 2022 9:00 pagi

MalaysiaNow berada di belakang tajuk utama berita dalam negara, membawakan berita, pandangan dan pendapat berkaitan isu dan maklumat terkini kepada anda.



TENTANG

[Tentang MalaysiaNow](#)

[Pengiklanan Bersama Kami](#)

[Hubungi Kami](#)

[Kerja Dengan Kami](#)

TERMA PENGGUNAAN

[Terma & Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

LANGGAN BERITA KAMI

Anda akan menerima berita terkini dan analisis harian.

Melanggan